

UMS terima 19 pelajar antarabangsa babitkan lima negara

NST 20.9.16 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima seramai 19 pelajar antarabangsa membabitkan lima buah negara menerusi Program Mobiliti UMS selama enam bulan.

Negara yang terlibat dalam program ini adalah Jerman (satu orang), Korea (dua orang), Thailand (enam orang), Indonesia (lapan orang) dan Brunei (satu orang). Pelajar antarabangsa yang mengikuti program ini mengambil bidang Fakulti Komputeran dan Informatik, Psikologi dan Pendidikan serta Sains dan Sumber Alam. Mereka akan diiringi bersama mentor masing-masing sepanjang sesi tersebut.

Manakala seramai 19 pelajar dari UMS turut berpeluang ke Indonesia melalui program ini. Seramai 13 pelajar kini berada di Institut Pertanian Bogor (IPB) dan enam pelajar di Universitas Mercu Buana Jakarta.

Sementara itu, Naib Canselor Datuk Harun Abdullah berkata pertukaran pelajar ini mampu menjadikan universiti

ini ke peringkat global di mata dunia dan melahirkan pelajar berkualiti tinggi.

"Pihak UMS amat begitu yakin bahawa program ini dapat membantu pelajar antarabangsa menambah ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka ketika berada di sini seterusnya dapat digunakan alam pekerjaan nanti," kata Harun ketika berucap merasmikan program ini di D'Sireh Cafe, Bangunan Canselor UMS tengah hari kelmarin.

UMS bertekad meningkatkan lagi kurikulum ke tahap tinggi selaras dengan sistem pendidikan bertaraf dunia. Oleh itu, Harun yakin UMS adalah pilihan universiti terbaik kepada pelajar dari luar negara.

"Oleh yang demikian, UMS tetap berusaha terus menambah lagi bilangan pelajar dari luar negara ke sini dan universiti ini," kata Harun.

Tambah beliau, pelajar yang sesudah menamatkan program ini automatik menjadi ahli alumni antarabangsa UMS. Selain daripada meng-

utamakan pembelajaran, para pelajar juga boleh mengenali budaya di sini dan ramah mesra bersama masyarakat pelbagai etnik di sini.

"Hayatiilah pembelajaran di sini, pengalaman kamu berada di sini dapat lagi mengasah ilmu pengetahuan dan

selepas ini kamu berjuang untuk keluarga dan negara," katanya.

Kata Harun, para pelajar terlibat digalakkan berkomunikasi kepada pensyarah dan kakitangan universiti sekiranya ingin meminta bantuan, serta boleh rujuk ke bahagian

Pusat Hal Ehwal Antarabangsa untuk berurusan.

Berdasarkan UMS, seramai 713 pelajar antarabangsa yang menuntut pengajian di sini bagi sesi 2016/2017. -

OLEH IZHAM WAIDI
izham@newsabah-times.com.my



SELAMAT DATANG ... Dr Harun (kiri sekali) bersalaman salah satu pelajar antarabangsa yang mengikuti program ini.